

BN perlu pemimpin berwawasan

Mn.M. 30 MAY 1993

(P)

KUALA LUMPUR 29 Mei — Perdana Menteri, Dato Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Barisan Nasional (BN) mestilah mempunyai pemimpin-pemimpin yang berfikiran luas dan berwawasan.

Oleh itu, katanya, ahli-ahli parti dalam BN perlu memastikan mereka dipimpin oleh pemimpin-pemimpin yang berwawasan dan mempunyai kualiti tersebut.

BN, menurut beliau, tidak mampu untuk memiliki mereka yang hanya mengutamakan populariti diri ataupun mereka yang menurut kehendak pengikut tanpa mampu memberi tunjuk ajar.

Bercakap merasmikan Persidangan Perwakilan Tahunan Ke-22 Parti Gerakan di sini hari ini, Dr. Mahathir menegaskan, pemimpin yang dipilih juga, mestilah dapat memahami kegelisahan (constraints) yang terdapat dalam masyarakat majmuk negara ini.

Dr. Mahathir berkata, peristiwa Parti Bersatu Sabah (PBS) dan USNO keluar dari BN menunjukkan pemimpin mereka mahukan sesuatu bagi diri sendiri sehingga sanggup menikam parti dari belakang.

Beliau yang juga Pengerusi BN berkata, parti-parti tersebut jelas tidak mempunyai pendirian dan tidak berpegang kepada konsep BN serta matlamat perjuangan negara.

Katanya, kedua-dua peristiwa itu membawa beberapa petunjuk atau pengajaran kepada BN.

"Kehadiran mereka hanya melemahkan BN. Mereka juga menyebabkan parti-parti komponen terpaksa memandang ke belakang semasa menghadapi musuh, pemergian mereka adalah satu rahmat (blessing) yang jelas," katanya.

Demokrasi

Perdana Menteri berkata, BN bukan sahaja mendokong dan mengamalkan demokrasi dalam urusan pemerintahan negara malah setiap parti komponennya turut mengamalkan demokrasi dalam parti.

"Kepimpinan dalam BN bertukar ganti tetapi prinsip perjuangan mereka kekal dan dipegang oleh pemimpin lama dan baru," katanya.

Dr. Mahathir juga menegaskan, ideologi dan demokrasi sebenarnya adalah untuk kebaikan para pengikut parti.

"Ideologi bukan untuk ideologi dan demokrasi bukan untuk demokrasi.

"Kedua-duanya adalah untuk kebaikan pengikutnya tetapi apabila ia dijadikan 'agama' dan diamalkan tanpa mengamalkannya, maka ia akan membawa keburukan," tambah beliau lagi.

Di Barat sendiri, kata Dr. Mahathir, demokrasi yang keterlaluan telah membawa kepada keruntuhan akhlak seperti penyalahgunaan dadah, homoseks, *single parents* dan kemerosotan ekonomi akibat etika kerja yang buruk.

"Kita menerima demokrasi tetapi perlu berhati-hati supaya tidak keterlaluan sehingga merosakkan.

"Kebebasan yang tidak terhad adalah merbahaya," ujarnya.

Menurut Perdana Menteri, dalam masyarakat berbilang kaum, rusuhan mudah berlaku jika terdapat kebebasan menghasut kaum, menunjuk perasaan di jalan-jalan, mogok sepanjang masa dan melakukan perkara-perkara lain yang kononnya menjadi hak rakyat di negara demokratik.

Sambil mengambil contoh demokrasi dalam par-

ti, Dr. Mahathir berkata, jika seseorang itu bertanding hanya kerana dibenarkan bertanding atau berkempen dengan cara yang buruk dengan menggunakan wang sogokan serta memburukkan lawan, hasilnya bukan kejayaan tetapi perpecahan yang boleh membawa kehancuran.

"Inilah yang berlaku kepada UMNO pada tahun 1987," tegas Presiden UMNO itu.

Beliau mengibaratkan demokrasi seperti pisau yang tajam yang jika digunakan dengan baik boleh mengukir sesuatu yang cantik, tetapi pisau itu juga boleh membunuh.

"Oleh itu berhati-hatilah dalam mengamalkan demokrasi, baik dalam parti atau negara," katanya lagi.

Dr. Mahathir juga menegaskan, demokrasi dalam parti adalah penting tetapi jika parti akan hancur kerana amalan tertentu yang kononnya demokratik maka rakyat mestilah memilih parti dan negara.

Tanpa parti dan negara, demokrasi tidak akan memberi sebarang bermakna, tegasnya.

Beliau menyifatkan Malaysia bernasib baik kerana amalan demokrasi di negara ini tidak membawa malapetaka seperti

di Soviet Union dan Eropah Timur.

"Yang penting sekali dalam demokrasi ialah kita boleh menukar kerajaan atau pemimpin tanpa menimbulkan apa-apa bencana seperti rusuhan, dan ini dapat kita lakukan di negara kita," ujarnya lagi.

Malaysia, kata beliau, tidak harus menerima demokrasi ala Barat.

Katanya, ini adalah kerana ia demokrasi keterlaluan yang lebih banyak membawa kesan buruk daripada kebaikan kepada sesebuah negara.

Menurut Perdana Menteri, negara ini tidak perlu kepada jenis kebebasan

yang keterlaluan yang telah mewujudkan masyarakat yang biadap di Barat.

"Pendapat yang mengatakan demokrasi perlu ditetakkan walaupun negara hancur dan rakyat menderita adalah bodoh.

"Demokrasi ialah kebahagiaan masyarakat dan bukannya masyarakat untuk keperluan demokrasi.

"Yang penting sekali dalam demokrasi ialah kita boleh menukar kerajaan atau pemimpin tanpa menimbulkan apa-apa bencana seperti rusuhan, dan ini dapat kita lakukan di negara kita," tegas Dr. Mahathir.